

08 NOV 1996

Samy Vellu-Kit Siang

SAMY VELLU HARUS DIBERI PUJIAN, KATA KIT SIANG

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Ketua Pembangkang Lim Kit Siang memuji Menteri Kerjaraya Datuk Seri S Samy Vellu kerana sering menghadiri persidangan Dewan Rakyat tahun ini bagi menjawab soalan anggota-anggota dewan.

"Samy Velu harus diberi pujian kerana rekod Parlimen tahun ini menunjukkan bahawa beliau menghadiri sembilan sesi berasingan Dewan Rakyat bagi menjawab soalan-soalan semasa sesi soal jawab," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz menghadiri dua sesi berasingan bagi menjawab soalan-soalan Parlimen, katanya dalam satu kenyataan di sini.

Bagaimanapun, beliau berkata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik tidak pernah menghadiri sesi soal jawab bagi menjawab sendiri soalan-soalan berhubung kementerian masing-masing walaupun Parlimen kini bersidang bagi kali keempat tahun ini.

"Jika Samy Vellu boleh berada di Parliamen untuk sekurang-kurangnya sembilan hari bagi menjawab soalan semasa empat persidangan Parlimen tahun ini, tiada sebab mengapa Dr Ling dan Dr Lim tidak boleh melaksanakan tugas Parlimen masing-masing," katanya.

Lim berkata Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie hanya sekali menghadiri sesi soal jawab bagi menjawab soalan mengenai lawatan Dr Mahathir ke Sidan Kemuncak Suria Dunia di Harare, Zimbabwe pada September dan rancangan kerajaan mengenai penggunaan tenaga alternatif.

Beliau berkata Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Razak juga mengkagumkan anggota-anggota Parlimen kerana membentangkan sendiri tujuh rang undang-undang pendidikan di Dewan Rakyat selepas pilihan raya umum pada April 1995.

Sebaliknya, walaupun empat rang undang-undang pengangkutan diluluskan Parlimen sejak pilihan raya umum lepas, Dr Ling langsung tidak menghadiri persidangan Parlimen untuk membentangkan rang undang-undang berkenaan atau menjawab perbahasan anggota-anggota Parlimen berhubung rang undang-undang itu, katanya.

Dalam satu kenyataan lain, Lim mencadangkan supaya satu undang-undang anti rasuah yang baru, menyeluruh dan lebih berkuasa digubal bagi menggantikan Akta Pencegahan Rasuah 1961 bagi mengemaskini definisi rasuah, menambah hukuman melakukan rasuah dan memperluaskan kuasa Badan Pencegah Rasuah (BPR).

Beliau juga mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Parlimen mengenai Rasuah dan mengubal undang-undang bagi melindungi kakitangan kerajaan atau orang ramai yang memberi maklumat mengenai rasuah kepada BPR.

-- BERNAMA

ARA NAK